



PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
TINGKAT LG,G,2,3,4,  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
40576 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 603-5544 7000  
No. Faks : 603-5510 2658 / 5520 5628  
E-mail : [ptgs@selangor.gov.my](mailto:ptgs@selangor.gov.my)  
URL : <http://ptg.selangor.gov.my>  
Hotline : 1800-8-82624 (Tanah)

Ruj. Fail : ( 47 ) dlm. PTG/BPT/SEL10/31/99(LG).1  
Tarikh : 05 Jun 2020

**Chairman**

**The Selangor Bar**

No. 41 Jalan Bola Jaring 13/15

Seksyen 13

40100 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

**(u.p Tn Murali Velautham / Pn Nurul Munahiza binti Hanafi)**

Tuan/Puan,

**TATACARA OPERASI PERSERAHAN URUSAN PENDAFTARAN HAKMILIK  
(LANDED & STRATA) PEJABAT TANAH & GALIAN SELANGOR**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan perserahan urusan Pendaftaran Hakmilik (*Landed & Strata*) Pejabat Tanah & Galian Selangor sepanjang tempoh Pasca-Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan selaras dengan norma baru yang mengutamakan penjarakan sosial, Pentadbiran ini telah memutuskan untuk melaksanakan penambahbaikan tatacara urusan perserahan dokumen yang melibatkan Firma Guaman secara kaedah '*Dropbox*' sepenuhnya dengan bayaran adalah menggunakan Bank Deraf atau Kiriman Wang Pos bermula mulai 10 Jun 2020 (Rabu).

3. Tatacara ini adalah sebagai rujukan kepada Firma Guaman, Jabatan/Agensi Kerajaan dan orang awam yang akan berurusan di kaunter Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor dengan mematuhi arahan keselamatan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Ia akan mengutamakan semua aspek kesihatan, keselamatan, dan kebajikan para petugas dan pelanggan yang akan berurusan di kaunter.

4. Sebarang pemakluman berhubung pindaan dan penambahbaikan bagi tatacara ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa bergantung kepada situasi terkini. Sehubungan dengan itu, dilampirkan tatacara dan dokumen berkaitan sebagai rujukan YBhg. Dato'/Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan berhubung garis panduan ini boleh menghubungi Bahagian Pendaftaran Hakmilik (LG) (03-5544 7326/5520 5650) atau Bahagian Hakmilik Strata (03-5544 7511/7998).

5. Perhatian dan tindakan tuan/puan dalam perkara ini amat diharapkan dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHAMAD HANAFE BIN BASRI)**

bp Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor

**SALINAN KEPADA:**

- i. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Selangor (Pendaftaran)
- ii. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Selangor (Pengurusan)
- iii. Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pendaftaran Hakmilik)
- iv. Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Strata)
- v. Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Teknologi Maklumat)
- vi. Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Teknikal & Penguatkuasaan)
- vii. Penolong Pengarah (Bahagian Hasil)
- viii. Penolong Pengarah (Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah)
- ix. Penolong Pengarah (Bahagian Khidmat Pengurusan)